

Nama : _____

Sabtu, 30 Oktober 2021

Tahun : 5A

Tatabahasa

Tajuk : **Penjodoh bilangan**

Pilih PENJODOH BILANGAN yang sesuai bagi tempat-tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

1. Se _____ kata pun tidak tertulis walaupun sudah dua jam dia menghadap meja tulisnya.

- A) patah
- B) potong
- C) untai

[_____]

2. Majalah itu berharga dua belas ringgit se _____ .

- A) keping
- B) naskhah
- C) rangkap

[_____]

3. Polis melepaskan lima _____ tembakan ke arah perompak itu.

- A) butir
- B) das
- C) pucuk

[_____]

4. Kakak membeli se _____ baju untuk majlis harijadinya.

- A) cebis
- B) helai
- C) buah

[_____]

5. Ayah makan dua _____ durian di dapur.

- A) ulas
- B) buah
- C) buku

[_____]

6. Zaky hanya makan se _____ roti sebelum pergi ke sekolah.

- A) keping
- B) kelompok
- C) biji

[_____]

7. "Masukkan se _____ garam ke dalam lauk itu," kata Mak Cik Salmah kepada Jamilah.

- A) cuit
- B) cubit
- C) genggam

[_____]

8. Se _____ burung sedang terbang di angkasa.

- A) das
- B) kawan
- C) lembar

[_____]

9. Se _____ bunga kenanga terselit pada sanggul Sofia.

- A) jambak
- B) kuntum
- C) batang

[_____]

10. Untuk memagari kebunnya, Pak Cik Rashid telah membeli beratus-ratus _____ kawat berduri.

- A) utas
- B) gulung
- C) biji

[_____]